

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN

Kajian ini secara khusus menengahkan isu tentang kedudukan ketua negara yang mempunyai kekurangan dari aspek kesihatan fizikal, sama ada yang berhubungkait dengan anggota badan mahupun panca indera. Bagaimanakah pandangan Islam terhadap orang kurang upaya (OKU) yang dilantik menjadi ketua negara, adakah dia mempunyai kelayakan dijadikan pemimpin di sebuah negara ataupun tidak. Kerana perlantikan ketua negara bagi sesebuah negara menurut jumhur ulama seperti Imām al-Māwardī¹, Ibn Ḥazmī², al-Juwainī³, Ibn Khaldūn⁴, al-Farrā⁵, al-Qurṭubī⁶, al-Ṭūsī⁷, al-Baghdādī⁸ dan al-Qalqashandī⁹ hukumnya adalah wajib, dalam perkara ini terdapat dua pandangan yang berbeza iaitu pertama satu pandangan yang menyatakan bahawa *khiṭāb* tersebut berdasarkan hukum syara', sedangkan pandangan yang kedua menyatakan bahawa kewajipan tersebut hanya berdasarkan akal semata.

¹ Abu Hasan 'Ali bin Muhammad Ibn Habib al-Basri al-Baghdadi al-Mawardi (1989), *al-Ahkam al-Sultaniyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. c. 1. (Tahqiq: Ahmad Mubarak al-Baghdadi). Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaybah, h. 3

² al-Imam Abi Muhammad 'Ali bin Ahmad dikenali sebagai Ibn Hazmi al-Zahiri (1996), *al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwa wa al-Nihal*, c. 2, j. 4. Bairut: Dar al-Jail, h. 149

³ Imam al-Haramain Abi al-Ma'ali al-Juwaini (1979), *al-Ghiyath fi al-Umam fi Tiyath al-Zulam*, c.1., Iskandariyah: Dar al-Da'wah, h. 15

⁴ Abd al-Rahman bin Muhammad bin Khaldun al-Hadrami (2003), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, c. 8., Bairut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 151

⁵ Abi Ya'la Muhammad al-Husain al-Farra al-Hambali (2000), *al-Ahkam al-Sultaniyah*,. Bairut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 19

⁶ Abi 'Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1935), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, j. 1, c. 2. Kahirah: Matba'ah Dar al-Kutub al-Misriyyah, h. 264

⁷ al-Imam Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali al-Tusi (1994), *al-Iqtisad fi al-'Itiqad*, c. 1. Bairut: al-Hikmah li al-Tiba'ah wa al-Nashr, h. 200

⁸ Imam Abi Mansur Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Baghdadi (t.th.), *al-Farqu Baina al-Firaq*. (Tahqiq: Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid). Kaherah: Matba'ah al-Madani, h. 349

⁹ Ahmad bin 'Abdullah al-Qalqashandi (2006), *Ma'athir al-Inafah fi Ma'alim al-Khilafah*, c. 1. (Tahqiq: 'Abd al-Sattar Ahmad Farraj). Lubnan: 'Alam al-Kutub, h. 22

Perbincangan ini diutarakan kerana timbul pula daripada hukum ini isu syarat perlantikan ketua negara yang dikemukakan oleh para ulama *salaf* dan *khalaf* dengan pandangan yang berbeza-beza, sehingga perkara ini membuka ruang ijtihad dan perbincangan khususnya dalam konteks semasa. Adapun timbulnya perbezaan ulama terhadap syarat kesihatan fizikal bagi ketua negara ialah kerana tidak terdapatnya mana-mana nas al-Qur'an mahupun al-Hadith yang *sarih* (jelas) serta khusus tentang perkara tersebut. Adapaun nas al-Qur'an dan al-Hadith yang dianggap mempunyai hubungkait dengan syarat kesihatan fizikal bagi ketua negara ialah seperti berikut:

... إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ

“... Sesungguhnya Allah telah memilihnya menjadi raja kamu, dan telah mengurniakan kelebihan dalam ilmu dan kegagahan tubuh”¹⁰.

Surāh al-Baqarah (2): 247

..... إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيَّ الْأَمِينُ

“..... sesungguhnya sebaik-baik pekerja ialah yang kuat, lagi amanah”.

Surāh al-Qaṣaṣ (28) : 26

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ: قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا تَسْتَعْمِلُنِي؟ قَالَ: فَضْرَبَ بِيَدِهِ عَلَى مَنْكِبِي ثُمَّ قَالَ: يَا أَبَا ذَرٍّ إِنَّكَ ضَعِيفٌ وَإِنَّهَا أَمَانَةٌ، وَإِنَّهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ حِزْبِي وَنَدَامَةٌ إِلَّا مَنْ أَخَذَهَا بِحَقِّهَا وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا.

Riwayat daripada Abu Zar, dia berkata, saya bertanya kepada Rasulullah, mengapa engkau tidak meminta saya menyandang sebuah jawatan? Abu Zar berkata lagi, lalu Rasulullah menepuk bahu saya dengan tangannya sambil berkata: “Wahai Abu Zar, sesungguhnya kamu adalah seorang yang lemah. Padahal, jawatan itu sesungguhnya adalah amanat (yang berat untuk ditunaikan) dan sesungguhnya ia pada hari kiamat nanti ditimpa kehinaan dan penyesalan, melainkan jawatan tersebut disandang oleh orang yang berkelayakan terhadapnya, dan

¹⁰ Sheikh Abdullah Basmeih (1998), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an 30 Juz*, cet. 9, Kuala Lumpur: Darul Fikir.

orang yang telah menunaikan amanah dan tanggungjawab jawatannya selama tempoh ia menjawat ¹¹.

Adapun persyaratan bagi ketua negara dalam konteks politik Indonesia ia terdapat dalam Undang-Undang Pilihan Raya Presiden (UU PILPRES) No. 23 Tahun 2003, dan syarat yang berhubungkait dengan syarat kesihatan fizikal terdapat dalam senarai huruf (d) yang berbunyi seperti berikut:

Calon Presiden dan calon Wakil Presiden harus memenuhi syarat:
..... (d). mampu secara rohani dan jasmani untuk melaksanakan tugas dan kewajiban sebagai Presiden dan Wakil Presiden;

1.2. LATARBELAKANG MASALAH KAJIAN

Kepimpinan dalam Islam merupakan sebuah amanah yang mesti diberikan kepada orang yang benar-benar ahlinya, berkualiti dan memiliki tanggungjawab yang jelas dan benar serta adil, jujur dan bermoral baik. Beberapa sifat tersebut dapat dikategorikan sebagai kriteria ketua negara yang dikehendaki dalam Islam, kerana dengan wujudnya beberapa kriteria tersebut boleh membawa masyarakat kepada kehidupan yang lebih baik, harmoni, dinamik, makmur, sejahtera, aman dan tenteram. Adapun beberapa contoh kepemimpinan dalam Islam yang patut dijadikan teladan ialah kepemimpinan yang telah dibawa oleh baginda Rasulullah (s.a.w.) dengan menonjolkan empat ciri kepemimpinan iaitu *ṣiddīq* (jujur), *faṭānah* (cerdas dan berpengetahuan), *amānah* (boleh dipercayai), dan *tablīgh* (berkomunikasi dan komunikatif dengan bawahannya dan kepada semua orang).

¹¹ Imām Abī al-Ḥasan Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayri al-Nayhaburi (1991), *Ṣahih Muslim*, c. 1, j. 3, Kitāb al-Imārah, Bāb Karāhah al-Imārah bi Ghairi Ḍarūrah, no hadith: 1825, Kaherah: Dār al-Hadith h. 1458.

Sedangkan kriteria kepemimpinan Islam selepas kemangkatan Rasulullah (s.a.w.) banyak dijumpai pada diri para sahabat utama seperti Abu Bakr al-Ṣiddīq, Umar Ibn al-Khaṭāb, Uthmān Bin 'Affān, 'Ali bin Abī Ṭālib, Umar Bin 'Abdul 'Azīz Radiya-Allah Ta'ala 'Anhum (r.a.), yang telah memberikan contoh sebagai pemimpin yang ideal, dan terbukti mereka telah mengukir sejarah bertintakan emas dalam membawa rakyatnya mencapai kemakmuran, keadilan dan kesejahteraan. Antara kriteria yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam memilih profil seorang calon ketua negara ialah seperti kepemimpinan yang dibawa oleh Khalifah Abu Bakar al-Ṣiddīq (r.a.), perkara tersebut sepertimana yang terkandung dalam isi teks ucapan beliau semasa dilantik menjadi Khalifah pertama seperti berikut:

أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ وُلِّيتُ عَلَيْكُمْ، وَلَسْتُ بِخَيْرِكُمْ، فَإِنْ أَحْسَنْتُمْ فَأَعِينُونِي، وَإِنْ أَسَأْتُ فَعُومُونِي، الصِّدْقُ أَمَانَةٌ، وَالْكَذِبُ خِيَانَةٌ، وَالضَّعِيفُ فِيكُمْ قَوِيٌّ عِنْدِي حَتَّى آخَذَ لَهُ حَقَّهُ، وَالْقَوِيُّ عِنْدِي ضَعِيفٌ حَتَّى آخَذَ مِنْهُ الْحَقَّ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى، لَا يَدْعُ أَحَدٌ مِنْكُمْ الْجِهَادَ، فَإِنَّهُ لَا يَدَعُهُ قَوْمٌ إِلَّا ضَرَبَهُمُ اللَّهُ بِالذُّلِّ، أَطِيعُونِي مَا أَطَعَتِ اللَّهُ وَرَسُولَهُ فَإِذَا عَصَيْتُ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَلَا طَاعَةَ لِي عَلَيْكُمْ، قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ رَحِمَكُمُ اللَّهُ.¹²

Saudara-saudara, Aku telah dilantik menjadi pemimpin bukanlah kerana aku yang terbaik diantara kalian semua, oleh kerana itu jika aku berbuat baik bantulah aku, dan jika aku berbuat salah luruskanlah aku. Sifat jujur itu adalah amanah, sedangkan kebohongan itu adalah pengkhianatan. 'Orang lemah' diantara kalian aku pandang kuat kedudukannya di sisiku dan aku akan melindungi hak-haknya. 'Orang kuat' di antara kalian aku pandang lemah kedudukannya di sisiku dan aku akan mengambil hak-hak mereka yang mereka peroleh dengan jalan yang jahat untuk aku kembalikan kepada yang berhak menerimanya. Janganlah diantara kalian meninggalkan jihad, sebab kaum yang meninggalkan jihad akan ditimpa kehinaan oleh Allah (s.w.t.). Patuhlah kalian kepadaku selama aku mematuhi Allah dan Rasul-Nya. Jika aku derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya maka tidak ada kewajiban bagi kalian untuk menta'atiku. Kini marilah kita menunaikan sembahyang semoga Allah (s.w.t.) melimpahkan Rahmat-Nya kepada kita sekalian.

¹² Ibn al-Athīr al-Jazari, Abī al-Ḥasan 'Ali bin Abī al-Karam Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abdu al-Karīm bin 'Abd al-Wāhid al-Shaybāni (1987), *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, (Tahqiq: Abi al-Fida 'Abdullah al-Qadhi), c. 1, v. 2., Bairūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.194-195

Berdasarkan isi kandungan teks ucapan tersebut di atas, terdapat tujuh point yang boleh diambil untuk dijadikan sebagai kriteria bagi seorang ketua negara iaitu: Sifat rendah hati, sifat terbuka untuk dikritik, sifat jujur dan memegang amanah, sifat berlaku adil serta komited dalam perjuangan, bersikap demokratis, berbakti dan mengabdikan kepada Allah (s.w.t.).

Adapun syarat-syarat pemimpin atau ketua negara dalam literatur Islam jumlahnya berbeza-beza antara satu dengan yang lainnya, dan syarat kesihatan fizikal adalah merupakan antara syarat utama yang mesti dipenuhi oleh setiap calon pemimpin atau ketua negara, pandangan tersebut telah dikemukakan oleh majoriti ulama yang dirakamkan di dalam kitab-kitab karya agung mereka sepertimana yang telah disebutkan di atas. Sedangkan pandangan ulama yang tidak mensyaratkan kemestian syarat kesihatan fizikal bagi calon ketua negara sangat sedikit sekali dijumpai. Pandangan ini merupakan pandangan ulama minoriti yang berbeza dengan pandangan jumbuh ulama tersebut di atas, iaitu satu golongan ulama yang tidak begitu mensyaratkan bentuk kesempurnaan fizikal terhadap ketua negara, mereka antaranya ialah al-Imām al-‘Allāmah Abī Muḥammad, yang lebih dikenali dengan Ibn Ḥazmi¹³, dan pandangan yang hampir serupa juga dikemukakan oleh Abū Ṭayyib Abadiyy¹⁴ dan al-Khaṭṭābī¹⁵.

¹³ al-Imām Abī Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad Ibn Ḥazmi al-Zāhiriyy (1996), *al-Faṣl fī al-Mīlāl wa al-Aḥwā wa al-Niḥl*, c.2, J.5, (Taḥqīq: Muḥammad Ibrāhīm Naṣr *et. al.*), Bayrut: Dar al-Jayl, h. 11

¹⁴ Abū Ṭayyib Muḥammad Shamsu al-Ḥaḥ al-‘Aẓīm Abadiyy (1968), *‘Awnu al-Ma’būd*, c. 2., j.8., (Taḥqīq: ‘Abdu al-Raḥmān Muḥammad ‘Uṭmān), al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafīyyah, h. 159-160

¹⁵ Abū Sulaimān Ḥamada bin Muḥammad al-Khaṭṭābī (1932), *Ma’ālim al-Sunan*, J. 3., Kaherah: Maṭba’ah al-‘Ilmiyyah, h.8

Sedangkan syarat kesihatan fizikal dalam konteks demokrasi kepimpinan negara hari ini, ia juga diamalkan oleh majoriti negara-negara di dunia yang termaktub di dalam perlembagaan mereka masing-masing. Salah satunya ialah Negara Republik Indonesia yang mempunyai perlembagaan tersebut, dan ianya termaktub di dalam Undang-Undang Negara Republik Indonesia No. 32 Tahun 2003¹⁶, iaitu sebuah perlembagaan mengenai Peraturan Pemilihan Presiden dan Wakil Presiden, atau dikenali dengan Undang-Undang Pilpres. Dalam kandungan undang-undang tersebut tersenarai sebanyak 20 persyaratan calon presiden dan wakil presiden, antaranya ialah berbunyi seperti berikut:

Calon Presiden dan calon Wakil Presiden mestilah mampu secara rohani dan jasmani untuk melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai Presiden dan Wakil Presiden.

Antara hujah yang dikemukakan oleh golongan Ibn Hazmi ialah hak asasi manusia, kerana berpolitik adalah hak semua individu masyarakat, sebab kedudukan manusia di dalam agama Islam adalah sama, tidak ada keutamaan dan perbezaan antara Bangsa Arab dan bukan Arab, antara kulit hitam dan kulit putih, antara miskin dan kaya melainkan tahap ketaqwaan yang mereka miliki yang disematkan di dalam dada seseorang, yang dengannya juga taraf dan martabat seseorang tersebut akan naik ketahap manusia yang paling sempurna di sisi Allah (s.w.t.), sebagaimana firman-Nya dan hadith Rasulullah (s.a.w.) seperti berikut:

¹⁶ UU Pilpres No 23 Tahun 2003 dikuatkuasakan bagi menjamin beberapa perbaikan sistem dan ketelusan pilihan raya tahun 2004, seterusnya UU ini penulis kemukakan dalam perbincangan kajian ini, bagi merujuk kepada sejarah dalam konteks politik Indonesia yang suatu ketika dahulu pernah berlaku polemik pro dan kontra tentang syarat kesihatan fizikal bagi ketua negara, perkara ini timbul setelah beredar isu yang menyatakan bahawa Parti Kebangkitan Bangsa (PKB) akan mencalonkan semula (almarhum) KH. Abdurrahman Wahid atau Gus Dur untuk menjadi ketua negara (presiden). Umum mengetahui bahawa beliau adalah seorang yang mempunyai kecacatan penglihatan, maka dari sinilah bermula episod pro dan kontra di antara ahli-ahli politik di Indonesia sehingga melahirkan wacana perdebatan yang berujung kepada *win-win solution*.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu saling berkenalan, Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antaramu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.

Surah al-Hujurāt (49): 13

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَلَا إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ، أَلَا إِنَّ آبَاءَكُمْ وَاحِدٌ، أَلَا لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَىٰ عَجَمِيٍّ،
وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَىٰ عَرَبِيٍّ، وَلَا لِأَسْوَدٍ عَلَىٰ أَحْمَرَ وَلَا لِأَحْمَرَ عَلَىٰ أَسْوَدٍ إِلَّا بِالتَّقْوَىٰ (إِنَّ
أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ)¹⁷.

Wahai sekalian Manusia, ketahuilah bahawa Tuhanmu adalah satu (iaitu Allah s.w.t), Nenek moyangmu juga satu (iaitu Nabi Addam a.s), Tidak ada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang bukan Arab, orang bukan Arab ke atas orang Arab, orang kulit putih ke atas orang kulit hitam, orang kulit hitam ke atas orang kulit putih melainkan dengan ketaqwaannya, kerana sesungguhnya orang yang paling mulia disisi Allah adalah orang yang paling bertaqwa.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَىٰ صُورِكُمْ
وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَىٰ قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ¹⁸

Dari Abi Hurairah dia berkata: Rasulullah (s.a.w.) telah bersabda: “Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada bentuk paras rupa kamu dan harta kamu, tetapi Dia akan melihat kepada hati nurani dan bentuk alamalan kamu” (Hadith Riwayat Imam Muslim).

Berdasarkan firman Allah (s.w.t.) dan hadith Rasulullah (s.a.w.) tersebut di atas, dapat disimpulkan bahawa kedudukan manusia di sisi Allah (s.w.t.) adalah sama,

¹⁷ al-Shaikh Muhammad Nasr al-Din al-Albani (1980), *Ghayah al-Maram fi Takhrij Ahadith al-Halal wa al-Haram*, c.1, Hadith No. 313, Bairut: al-Maktab al-Islamiy, h. 190

¹⁸ Imām Abū al-Ḥusain Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairi al-Naisabūri, (2006), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bāb Taḥrīm Ḍulm al-Muslim wa khadhluhu wa Ihtiqāruhu, c.1., j. 2, hadith no. 6488 dan 6489, Riyadh: Dār Ṭayyibah Li al-Nashr wa al-Tawzī’, h. 1194

dan mempunyai hak yang sama dalam semua aspek kehidupan di dunia ini termasuk juga hak politik. Islam dan politik mempunyai perhubungan yang erat dan saling berkaitan antara satu sama lain, kerana manusia tidak mungkin boleh hidup seorang diri, dan pada masa yang sama manusia juga mempunyai keperluan hidup yang berbagai-bagai, sehingga menuntutnya untuk sentiasa berinteraksi antara sesamanya.

1.3. PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan huraian dan pembahasan tersebut di atas dapatlah disimpulkan bahawa melantik atau mengangkat seorang pemimpin bagi sesebuah negara adalah merupakan satu perkara yang sangat mustahak untuk dilakukan. Adapun intipati dasar permasalahan kajian ini dibentuk dalam dua soalan seperti berikut:

1. Bagaimana pandangan Islam terhadap ketua negara yang tidak sihat fizikal untuk dipilih menjadi ketua negara?
2. Bagaimanakah peraturan yang digunapakai di Negara Republik Indonesia tentang boleh atau tidaknya seseorang yang tidak sihat secara fizikal menjadi Presiden di Indonesia?
3. Adakah terdapat ruang untuk penelitian sermula terhadap syarat kesihatan fizikal berdasarkan konteks amalan semasa dan kemaslahatan masyarakat?

1.4. MATLAMAT KAJIAN

Adapun matlamat umum daripada kajian ini adalah untuk mengkaji pandangan para ulama mengenai boleh atau tidaknya orang yang kurang sihat secara fizikal dilantik untuk menjadi pemimpin atau ketua negara dalam sesebuah negara. Sebagai bahan

perbandingan di antara konsep politik Islam mengenai syarat fizikal dengan peraturan politik yang terdapat di Indonesia.

1.5. OBJEKTIF KAJIAN

Untuk merealisasikan kajian ini penulis mencuba untuk mencapai beberapa objektif kajian seperti berikut:

1. Menganalisis pandangan fuqaha terhadap definisi kepimpinan, asas dan kedudukannya di dalam Islam
2. Menganalisis pandangan fuqaha berkaitan kriteria perlantikan dan syarat kesihatan bagi ketua negara
3. Menilai isu-isu berkaitan kriteria perlantikan ketua negara yang berkaitan dengan syarat kesihatan dalam politik di Indonesia.
4. Mencadangkan ijtihad politik mengenai syarat kesihatan fizikal bagi ketua negara hasil daripada pandangan fuqaha.
5. Merumuskan keperluan masalah dan pengalaman politik di Indonesia membuat penilaian semula bagi syarat kriteria kesihatan untuk menjadi ketua negara menurut politik Islam.

1.6. LIMITASI KAJIAN

Untuk menghadkan dan memfokuskan penulisan kajian, maka kajian ini akan dibatasi hanya kepada skop kepimpinan tertinggi negara di Indonesia yang berdasarkan

kepada asas Pancasila. Oleh kerana itu pemimpin-pemimpin yang berada di bawah ketua negara tidak menjadi fokus utama dalam kajian penulisan tesis ini.

1.7. METODOLOGI KAJIAN

Bentuk metodologi kajian ini adalah kajian bentuk kualitatif yang sepenuhnya menggunakan metode keperpustakaan (*pure library research*) dan dokumentasi, Metode keperpustakaan dilakukan dengan cara menghimpun sumber daripada dua bentuk data, iaitu data primer dan data sekunder yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Sumber data primer didapati daripada beberapa Ayat al-Qur'an al-Karim dan al-Hadith al-Nabawi serta beberapa buku fiqh al-siasah bagi menganalisis pandangan para ulama berkaitan dengan hukum syarat perlantikan ketua negara. Adapun sumber data sekunder, diperolehi daripada buku-buku tafsir yang penulis gunakan sebagai alat bantu bagi memahami ayat-ayat al-Qur'an yang dikutip dalam kajian ini, majalah, surat kabar, makalah-makalah dan maklumat daripada internet dan sebagainya. Sumber ini digunakan bagi menghimpun dan mengumpulkan semua data dan maklumat yang berhubung kait dengan tajuk kajian ini, dengan merujuk kepada dua sumber utama iaitu al-Qur'an dan al-Hadith; Selain itu penulis juga menggunakan metode dokumentasi yang digunakan bagi pengumpulan data yang diperolehi daripada beberapa dokumen yang berhubungkait dengan tajuk kajian, seperti nota-nota yang tersimpan, sama ada ia berbentuk catitan transkrip, buku, surat kabar, dan sebagainya. Kesemua data yang diperolehi dari kedua-dua sumber tersebut kemudian dianalisis dengan mempergunakan metode deskriptif dan analisis untuk menemukan hasil dan kesimpulan yang komprehensif dan integral.

1.8. SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian berkenaan politik sememangnya bukanlah perkara baru, kerana berdasarkan pengamatan dan kajian penulis yang telah dibuat setakat ini, mendapati bahawa pembahasan dan permasalahan politik Islam (*siāsah al-shar'iyah*), sudahpun ramai para pengkaji lepas yang telah mengkajinya dari pelbagai perspektif dan sudut pandang yang berbeza, sama ada ianya berbentuk karya ilmiah, seperti makalah, kertas kerja, disertasi, tesis, mahupun bentuk karya yang telah diterbitkan, tetapi berdasarkan pengetahuan dan pengamatan melalui beberapa bacaan, penulis tidak mendapati tajuk yang betul-betul serupa dengan tajuk yang akan penulis buat, kecuali beberapa tajuk artikel yang ditulis oleh beberapa penulis, itupun kebanyakan pendekatan yang mereka kemukakan adalah dalam bentuk strotaip atau hanya sekadar pemindahan maklumat daripada teks asal kepada teks yang mereka buat untuk mudah difahami, walau bagaimapun ianya berbeza dari aspek matlamat dan objektif yang hendak dicapai penulis, kerana tulisan-tulisan tersebut bukanlah berbentuk buku mahupun tesis, tetapi ianya hanyalah sebuah artikel yang perbahasannya serba sedikit dan ringkas.

Penulis tersebut di antaranya ialah Budi Santoso dengan sub tajuk “Kriteria Pemimpin Negara dalam Perspektif Fikih”¹⁹, di dalam tulisan ilmiah beliau telah membahas mengenai pentafsiran Komisi Pemilihan Umum (KPU) terhadap undang-undang republik Indonesia nombor 23 tahun 2003 iaitu tentang pemilihan Presiden dan timbalan Presiden yang menjelaskan bahawa seorang kandidat Presiden mestilah ia sihat secara fizikal. Kemudian beliau mengkaitkannya dengan pandangan imām al-

¹⁹ Budi Santoso (2008), “Islam dan Pemilu: Sebuah Kajian Tentang Konsep PEMILU Menurut Islam”, (Kertas Kerja Ilmiah, Fakultas Hukum Universitas Pasundan). Bandung: FH, h. 25

Māwardi dalam kitab *al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah*. Hasil tulisan tersebut beliau menyatakan bahawa persyaratan yang direkomenkan fikah adalah seorang pemimpin yang sempurna secara *leadership*, adil dan mempunyai visi kerakyatan, sementara syarat kesihatan fizikal menurutnya adalah syarat keutamaan sahaja bukan syarat kemestian.

Sementara menurut pandangan Prof. Dr. Nu'mān 'Abd al-Razāq al-Sāmmārā'i dalam kitabnya bertajuk: "*al-Nizām al-Siyāsi fī al-Islām*"²⁰ menyebutkan untuk tegaknya sesebuah negara diperlukan perlantikan bagi seorang calon pemimpin sebagai ketua negara untuk mentadbir sesebuah negara, dan bagi persyaratan perlantikan ketua negara, beliau telah membahagikan persyaratan ketua negara kepada dua katagori iaitu *al-syurūṭ al-muttafaq 'alaiha* dan *al-syurūṭ al-mukhtalaf fīhā* (syarat yang disepakati dan syarat yang tidak disepakati). Syarat-syarat yang disepakati antaranya beliau menyebut *al-kifāyah al-badaniyyah* iaitu sejahtera panca indera dan anggota badan yang memberi kesan terhadap keupayaan seseorang dalam berfikir dan bertindak atau bekerja. Seterusnya beliau menyatakan bahawa orang yang mempunyai kecacatan penglihatan (buta) tidak mempunyai kelayakan untuk dilantik menjadi ketua negara (khalifah).

Terdapat ramai lagi para 'ulama dan cendikiawan yang telah menyebutkan persyaratan bagi pemimpin sama ada dari kalangan ulama *salaf* mahupun ulama *khalaf* atau cendikiawan muslim kontemporari yang telah menyentuh tentang persyaratan

²⁰ Nu'mān 'Abd al-Razāq al-Sāmmārā'i (2000), *al-Nizām al-Siyāsi fī al-Islām* Qiṣah al-Islām, c. 2., Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, h. 116

bagi seorang pemimpin, dan menyenaraikannya dengan pelbagai pandangan yang berbeza di dalam kandungan sebahagian kajian mereka, seperti kajian ilmiah yang telah ditulis oleh Mahmarorsadee Makoowing yang bertajuk: Teori Kepimpinan Menurut Perspektif Islam: Suatu Kajian Terhadap Pemikiran Syeikh Ahmad al-Farani²¹, beliau telah menyenaraikan pendapat-pendapat para ulama *salaf*, seperti Imām al-Shāfe’i, Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal, al-Māwardi, Ibn Hazmi, Imām al-Haramain, Imām al-Ghazāli, Ibn Khaldūn, sementara pandangan daripada cendikiawan moden seperti: Abdul Qādir Awdah, Said Ḥawa, al-Maudūdi, Yaḥyā Ismāīl dan lain sebagainya.

Kajian serupa juga pernah disinggung dalam sub pembahasannya oleh: Abdullah Jamil yang bertajuk Konsep Kepimpinan Ketua Negara Menurut Perspektif Islam: Satu Kajian Perbandingan Dalam Konteks Negara Malaysia. Beliau telah menyenaraikan pandangan Qāḍi ‘Abdul Jabbār, Imām al-Sharastāni, al-Ghazāli dan al-Baghdādi yang masing-masing mempunyai pandangan yang berbeza terhadap persyaratan bagi pemimpin, dari ramainya berbezaan tersebut di atas beliau telah membuat satu kesimpulan dalam kertas latihan ilmiahnya, bahawa kriteria-kriteria yang mesti ada bagi seorang ketua negara ialah sebanyak tigabelas iaitu: muslim, adil, lelaki, ketinggian ilmu, baligh, sihat akal, merdeka, bertaqwa, berakhlaq mulia, amanah, berani, sempurna anggota tubuh badan dan keturunan quraysh²².

²¹ Mahmarorsadee Makoowing (2004), “Teori Kepimpinan Menurut Perspektif Islam: Suatu Kajian Terhadap Pemikiran Syeikh Ahmad al-Fatani”. (Tesis Master Jabatan Siasah Syar’iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). Kuala Lumpur: APIUM, h. 40-42

²² Abdullah Jamil (1995), “Konsep Kepimpinan Ketua Negara Menurut Perspektif Islam: Satu Kajian Perbandingan Dalam Konteks Negara Malaysia”. (Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 30-39

Demikian juga di dalam kajian oleh: Mohd. Hapiz bin Mahaiyadin, dalam tajuk *Kepimpinan Orang Bukan Islam Dalam Negara Islam Menurut Perspektif Siasah Syar'iyah*²³ beliau telah mengutip pandangan al-Māwardi, al-Baghdādi, Imām al-Ḥaramain, Ibn Hazm dan Qāḍi Abu Ya'lā, di dalam bahagian lainnya penulis lebih banyak merujuk kepada al-Māwardi, seperti persyaratan bagi wazīr al-tafwīd, dan persyaratan wazīr al-tanfīdh. Sementara terdapat juga kajian tentang syarat pemimpin dalam bentuk perbandingan yang telah ditulis oleh Hasan bin Bahrom bertajuk: *Kepimpinan Dalam Islam Menurut Pendapat Ahl al-Sunnah dan al-Syi'ah*²⁴, dan satu lagi kajian oleh Rifanto bin Ridwan bertajuk: *Syarat Perlantikan Khalifah Dari Perspektif Shi'ah dan Sunni: Satu Perbandingan*²⁵. Kedua-dua tajuk tersebut ada kemiripan dari aspek tujuan kajian mereka iaitu membandingkan kedua-dua pandangan dari aliran yang berbeza, dan menghuraikan gambaran persyaratan bagi pemimpin secara meringkas dari pandangan beberapa tokoh kedua-kedua aliran tersebut, tanpa menyebutkan secara ditil nama-nama tokoh dari kedua aliran tersebut.

Adapaun pandangan yang dikemukakan oleh Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baghdādi atau yang lebih dikenali dengan Imām al-Māwardi (975-1058 M) di dalam kitab *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah Wa al-Wilayāt al-Dīniyyah* pada bahagian bab pertama perbahasannya tentang perlantikan seorang pemimpin, beliau telah menyatakan seperti berikut: *“وأما أهل الإمامة فالشروط المعتبرة فيهم سبعة: syarat yang*

²³ Mohd. Hapiz bin Mahaiyadin (2001), *Kepimpinan Orang Bukan Islam Dalam Negara Islam Menurut Perspektif Siasah Syar'iyah*. (Tesis Sarjana Syariah, Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 72.

²⁴ Hasan bin Bahrom (1992), *Kepimpinan Dalam Islam Menurut Pendapat Ahl al-Sunnah dan al-Syi'ah*, (Tesis Sarjana Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya), h. 2

²⁵ Rifanto bin Ridwan (2004), *Syarat Perlantikan Khalifah Dari Perspektif Syi'ah dan Sunni: Satu Perbandingan*, (Tesis Sarjana Fakluti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi)

muktabar bagi pemimpinan ialah tujuh kategori”, iaitu: bersikap adil dengan semua persyaratannya; ilmu pengetahuan yang mencukupi untuk melakukan ijtihad; sihat pendengaran, penglihatan dan pertuturan; sempurna anggota badan; berwawasan yang inovatif untuk mengatur kehidupan rakyat dan mengurus kepentingan awam; berkeberanian yang memadai untuk melindungi rakyat bagi menghalau musuh; dan berketurunan Quraisy.²⁶ Seterusnya pandangan ini telah dijadikan rujukan oleh ramai penulis dan pengkaji lepas dan sekarang di dalam buku atau kitab serta karangan-karangan ilmiah mereka. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan kerana al-Māwardi lebih dikenali semasa hayatnya pernah dilantik menjadi Qāḍi dan Penasihat Politik di zama pemerintahan Abbasiyah, sehingga tak hairan jika ramai orang cerdik pandai telah memberikan gelaran kepadanya sebagai bapak pemikir politik Islam²⁷.

Pandangan lain tentang syarat-syarat perlantikan ketua negara dikemukakan oleh Ibn Khaldūn dalam kitab “Muqaddimah Ibn Khaldun”, dengan menyenaraikan empat syarat yang mesti dipenuhi oleh calon ketua negara, dan syarat kesihatan fizikal beliau sebutkan dalam senarai yang terakhir. Beliau menetapkan syarat ini dengan istilah *salāmah al-hawās wa al-a’adā min al-naqṣ wa al-’utulah*, iaitu sejahtera panca indera dari sebarang kekurangan seperti tidak gila, buta, pekak dan bisu, dan juga sejahtera anggota badan daripada kecacatan yang mempunyai kesan terhadap gerak kerja seseorang seperti kehilangan kedua-dua belah tangan dan kedua-dua belah kaki serta kehilangan kedua-dua belah biji keelakiannya, kerana kehilangan atau ketiadaan

²⁶ Abi Hasan ‘Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi (1989). *al-Ahkam al-Sultaniyyah Wa al-Wilayaat al-Diniyyah*. (Tahqiq Dr. Ahmad Mubarak al-Baghdadi) c.1, Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaibah, h. 5

²⁷ Antony Black(2006), *Pemikiran Politik Islam Dari Masa Nabi Hingga Masa Kini*. Abdullah Ali *et.al.* (terj.), c.1. Jakarta: Serambi Ilmu Semesta., h. 67.

kesemua perkara-perkara tersebut akan mempengaruhi kesempurnaan kerja dan melambatkan gerak kerja seseorang²⁸.

Kajian yang lain tentang syarat ketua negara seperti kajian oleh Ibn Abī al-Rab‘ī, beliau telah meletakkan syarat ketua negara sebanyak 13 kriteria, dan syarat kesihatan fizikal tersenarai dinombor dua dengan istilah “*Ṣahīh al-A’dā*”²⁹. Manakala kajian syarat ketua negara yang dikemukakan oleh al-Farabi berjumlah dua belas, kesemua syarat tersebut beliau katagorikan sebagai “*al-ṣifāt al-fiṭriyyah*” yang dibahagikannya kepada lima bahagian, iaitu bahagian pertama yang berhubungkait dengan anggota badan, kedua dengan akal, ketiga dengan kemampuan, keempat dengan intellectuality dan kelima dengan akhlaq. Adapun bahagian pertama yang berhubungkait dengan anggota badan, beliau menggunakan istilah “*tām al-a’aḍā, qawwāha mawātiḥ a’aḍāihā ‘alā al-a’amāl allati sha’nuhā an takūna bihā*”³⁰, (Iaitu sempurna anggota badan, iaitu mempunyai anggota badan yang kuat, yang membolehkannya melakukan kerja-kerja sebagai ketua negara yang telah menjadi tanggungjawabnya).

Kajian oleh Imam al-Ghazālī pula menyebutkan bahawa syarat ketua negara mempunyai sepuluh kriteria, dan dibahagikan kepada dua sifat, enam kriteria sebagai sifat *al-khalqīyyah* (semula jadi) dan empat kriteria termasuk sifat *al-muktasabah*

²⁸ Ibnu Khaldūn al-Ḥaḍramī, Abd al-Raḥmān bin Muḥammad (2003), *Muqaddimah Ibn Khaldūn: al-Musammā bi al-Kitāb al-‘Ibar wa al-‘Ajam wa al-Barbar wa Man ‘Asrāruhum Min Ḍaw’i al-Sulṭān al-Akḥbār*, c. 8., Bairūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 152-153

²⁹ Shihābuddīn Aḥmad bin Muḥammad ibn Abī al-Rabī’ (1996), *Sulūk al-Mālik fī Tadbīr al-Mamālik*, (Taḥqīq: Arif Ahmad Abdul Ghani), Syiria: Dār Kannān, h. 39;

³⁰ ‘Alī Abd al-Wāhid Wāfī (t.t.), *al-Madīnah al-Fāḍilah li al-Fārābī*,. Kaherah: Nahḍah Miṣr, h. 69-70

(yang diperolehi). Pada kriteria yang keenam beliau menyatakan, memiliki pendengaran dan penglihatan yang sihat dengan istilah “*salāmah ḥāssah al-sam’i wa al-baṣari*”³¹. Adapun menurut kajian Ibn Taymiyyah, bahawa seorang ketua Negara mestilah ia sekurang-kurangnya mempunyai dua persyaratan utama, iaitu mempunyai kekuatan atau kecekapan (*al-quwwah*), dan yang kedua mestilah memiliki kejujuran atau dapat dipercayai (*al-amānah*)³². Kedua-dua persyaratan tersebut diambil berdasarkan firman Allah (s.w.t.) dalam Surāh al-Qaṣaṣ Ayat 26, Surāh Yūsuf Ayat 54 dan Surāh al-Takwīr Ayat 19-21.

Sedangkan kajian tentang syarat ketua negara yang penulis ketahui setakat ini yang paling banyak ialah dikemukakan oleh Imam al-Qalqashandi dalam kitabnya “*Ma’āthir al-Ināfah*” iaitu sebanyak empat belas, syarat yang berhubungkait dengan kesihatan fizikal beliau senaraikan pada nombor empat, lima, enam dan tujuh iaitu beliau menyatakan bahawa ketua Negara mestilah tidak buta “*al-rābi’ al-baṣar, fa lā tan’aqid imāmah al-a’amā*”, tidak pekak “*al-khāmis al-sam’u, fa lā tan’aqid imāmah al-a’asam*”, tidak bisu “*al-sādis al-nuṭqu, fa lā tan’aqid imāmah al-akhras*”, dan sempurna anggota badan “*al-sābi’ salāmah al-a’aḍā min naqsin yamna’u istifā’a al-harakah wa sur’ata al-nuhūd*”³³.

³¹ Imām Abī Ḥāmid al-Ghazālī (2001), *Faḍā’ih al-Bāṭiniyyah*,. Bairūt: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, h. 162

³² Shaykh al-Islam Ahmad bin Abd al-Halim bin Abd al-Salam Ibn Taymiyah (t.t.), *al-Siyāsah al-Shar’iyyah fī Islāh al-Rā’iyy wa al-Ra’yah*, (Taḥqīq: ‘Ali bin Muhammad al-‘Umran). Jeddah: Dar ‘Alam al-Fawa’id, h. 17

³³ Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Abdullah al-Qalqashandi, (2006), *Ma’āthir al-Ināfah fī Ma’ālim al-Khilāfah*, c.1, j. 1 (Taḥqīq: ‘Abd al-Sattar Ahmad Faraj), Bayrut: ‘Alam al-Kutub, h. 24-25

Adapun beberapa kajian syarat ketua negara yang tergolong kontemporer adalah seperti kajian yang dihasilkan oleh Ḥasan Ismā'īl al-Ḥudaybi. Beliau telah mengemukakan sebanyak tujuh syarat bagi ketua negara Islam dan pada senarai yang kelima beliau menyatakan bahawa seorang calon ketua negara mesti mempunyai kekuatan dan kesempurnaan dari segi fizikal, ini kerana selain memimpin negara dia juga bertanggungjawab menjadi komando pertempuran di medan peperangan.³⁴ Kajian ini hampir serupa dengan kajian yang dikemukakan oleh al-Mawdudi yang telah mengemukakan lima persyaratan dan dalam senarai yang keempat beliau menyatakan bahawa ketua negara Islam mestilah seorang yang mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang terbaik.³⁵

Sedangkan menurut Muhammad 'Abd al-Qadir Abu Faris dalam kajiannya terhadap syarat-syarat ketua negara, beliau telah mencoba meringkaskannya kepada tujuh kriteria iaitu: seorang imam atau ketua negara mestilah mempunyai garis keturunan Quraysh, mestilah ia seorang lelaki yang beragama Islam, merdeka, dewasa serta berakal sihat, mestilah ia mempunyai sifat adil atau memiliki integriti moral yang tinggi, memiliki kemampuan untuk mentadbir negara, melindungi, dan memakmurkan rakyat, berpengetahuan luas khususnya dalam bidang politik, mempunyai ilmu sehingga ia mampu melakukan ijtihad, mestilah ia sihat panca indera dari kecacatan pendengaran dan penglihatan, mestilah ia sihat anggota badan dari sebarang kecacatan yang boleh memberikan impak kepada kecergasan³⁶.

³⁴ al-Hudaybi, Hasan Ismā'īl (1977) *Du'āt... la Quḍāt*. Kāherah: Dār al-Ṭibā'ah wa al-Nashr al-Islāmiyyah, h. 132-133

³⁵ Sayyid Abū al-A'lā al-Maudūdi (1997), *The Islamic Law and Constitution*. Lahore: Islamic Publication, h. 233-234

³⁶ Muhammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris (t.t.) *al-Qāḍī Abū Ya'lā al-Farra wa Kitābuhu al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*. Kāherah: Mu'assasah al-Risālah, h.358-359

Syarat-syarat tersebut menurut beliau tidak menjadi kesalahan apa-apa sekiranya sesebuah negara ingin menambahkan dengan persyaratan yang lainnya jika ia diperlukan dan dianggap patut untuk disesuaikan dengan dinamika dan perubahan zaman serta tuntutan bagi kemaslahatan umat.³⁷ Sedangkan syarat mengenai sihat panca indera dan anggota fizikal lainnya, menurut Abu Faris ianya bermaksud ketua negara tidak menderita cacat fizikal yang teruk dan keterlaluan sahaja, sehingga ia boleh mengganggu kelancaran tugas harian sebagai ketua negara, seperti buta, bisu, pekak, atau kudung kedua belah tangan dan atau kedua-kedua kakinya. Namun jika kecacatan tersebut hanya melibatkan kecacatan ringan sahaja yang terdapat pada salah satu anggota badannya, dan ianya hanya berimpak pada penampilannya sahaja, bukan pada tugasannya sebagai ketua negara, maka perkara tersebut tidak akan menjadi apa-apa masalah.³⁸

Oleh yang demikian maka menurut kajian oleh Muhammad Diyā al-Dīn al-Rayis bahawa syarat-syarat ketua negara Islam dapat dibahagikan kepada dua bahagian. *Pertama*, syarat-syarat inti yang telah disepakati iaitu terdiri daripada lima perkara: berilmu atau mampu berijtihad, memiliki wawasan dalam bidang politik, perang, dan administrasi, sihat mental dan fizikal, adil dan berakhlak mulia dan mempunyai kelayakan kepimpinan yang sempurna ianya meliputi lima perkara, iaitu: beragama Islam, merdeka, laki-laki, baligh, dan berakal *Kedua*, syarat yang belum disepakati atau masih diperselisihkan keabsahannya, yang hanya terdiri dari

³⁷ Muhammad Abdul Qadir Abu Faris (2000), *Sistem Politik Islam*, terj. Musthalah Maufur dari *al-Nizham al-Siyasi fi al-Islam*. Jakarta: Rabbani Press, h. 121-131

³⁸ *Ibid.*, h. 128

satu syarat, yaitu syarat keturunan Quraish³⁹. Pandangan yang hampir serupa telah dikemukakan oleh ‘Abd al-Wahab Khallaf, beliau juga telah membezakan syarat-syarat ketua negara Islam ke dalam dua kategori. *Pertama*, syarat-syarat yang telah disepakati, yang mencakupi enam syarat, iaitu: adil, berilmu yang memungkinkannya melakukan ijtihad, sihat panca inderanya dan lengkap anggota fiziknya, mempunyai visi kepemimpinan yang jelas, dan mempunyai keberanian untuk melawan musuh-musuhnya. *Kedua*, syarat yang masih belum disepakati atau masih diperselisihkan kesahihannya, yang hanya terdiri dari satu syarat juga, iaitu syarat keturunan Quraisy.⁴⁰

Demikian juga huraian yang dikemukakan oleh Taqiyuddin al-Nabhani, beliau telah membezakan syarat-syarat ketua negara kepada dua kategori. *Pertama*, syarat-syarat sah perlantikan jawatan (*shurūṭ al-in‘iqād*), iaitu syarat-syarat untuk menentukan perlantikan jawatan khalifah/ ketua negara tersebut sah ataupun tidak, jika syarat-syarat tersebut dipenuhi, maka perlantikan ketua negara dianggap sah, tetapi jika salah satu dari persyaratan tersebut tidak dipenuhi, maka seseorang tidak dapat atau tidak sah memangku jawatan khalifah/ ketua negara. Syarat-syarat tersebut ialah: mestilah ia seorang Muslim, lelaki, baligh, berakal, adil, merdeka bukan hamba, dan yang terakhir ialah mampu memikul amanah sebagai khilafah. *Kedua*, syurut afdaliyyah, iaitu syarat-syarat keutamaan yang jika dipenuhi oleh calon khalifah/ketua negara akan menjadi nilai tambah baginya. Tetapi jika tidak dipenuhi, ianya tidak akan

³⁹ Muḥammad Ḍiyā al-Dīn al-Rayis (1976), *al-Nazāriyāt al-Siyāsah al-Islāmiyyah*, c. 7., Kaherah: Makatabah Dār al-Turāth, h. 287-293

⁴⁰ Abdul Wahāb Khallāf, *op. cit.*, h. 55-56

berpengaruh apa-apa terhadap status kedudukan jawatan seseorang tersebut⁴¹. Ertinya perlantikan jawatan ketua negara oleh seseorang tetap dianggap sah walaupun tidak memenuhi persyaratan *afdhalīyyah* tersebut di atas.

Adapun *syurūt al-afdālīyyah* terdiri daripada empat kriteria, iaitu: *pertama*, mestilah ia seorang yang bertaraf mujtahid. Tetapi jika ia bukan seorang mujtahid, maka perlantikannya sebagai ketua negara tetap sah, *kedua* mestilah ia seorang pemberani dan politikus yang handal lagi hebat dalam urusan pentadbiran rakyatnya. Tetapi jika syarat ini tidak terdapat, maka perlantikannya sebagai ketua negara tetap sah, *ketiga* mestilah berketurunan Quraysh. Syarat ini bukan syarat *al-in'iqād*, sehingga walaupun seorang calon tersebut bukan daripada keturunan Quraysh, tetap ia sah dipilih sebagai ketua negara, *keempat* mestilah ia keturunan Banī Hashīm atau keturunan 'Ali Ibn Abī Ṭālib. Tetapi jika seseorang tersebut bukan keturunan Banī Hashīm atau bukan keturunan 'Ali Ibn Abī Ṭālib, ia tetap sah diangkat sebagai ketua negara. Contohnya khalifah Abū Bakar, 'Umar, dan Uthmān telah terpilih sebagai khalifah padahal ketiga-ketiganya bukan keturunan Banī Hasyīm dan bukan juga keturunan 'Ali Ibn Abī Ṭālib.⁴²

Abd al-Qadir 'Awdah menyatakan dalam bukunya *al-Islām wa Awḍā'unā al-Siyāsah*⁴³ bahawa terdapat lapan kriteria atau lapan persyaratan yang wajib dipenuhi bagi ketua negara (imām), dan dalam senarai persyaratan yang keenam beliau

⁴¹ Taqiyuddīn al-Nabhāni, *op. cit.*, h. 66-70

⁴² *Ibid.*, h. 70-72

⁴³ 'Abd al-Qadir 'Awdah (1981), *al-Islam wa Awda'una al-Siyasah*,. Bairut: Mu'assasah al-Risalah, h. 91

menyebutkan *al-salāmah* iaitu sejahtera panca indera dan anggota badan dari sebarang kekurangan dan kecacatan seperti buta, pekak, bisu dan kudung jejari tangan. Persyaratan ini beliau jadikan sebagai syarat kelayakan bagi ketua negara, sebab menurutnya ketidak sempurnaan beberapa item tersebut di atas akan mengurangi kemampuan seseorang dalam melakukan kerja-kerja sebagai ketua negara. Walau demikian di akhir rumusan pembahasan syarat ini, beliau menyatakan bahawa sesungguhnya syarat mutlak yang wajib bagi ketua negara ialah sifat adil, semua kekurangan dari aspek fizikal dan kesihatan boleh dikecualikan sekiranya didapati ia seorang yang boleh melaksanakan keadilan untuk semua, ini berdasarkan firman Allah (s.w.t.): “*Kūnū Qawwāmīn bi al-Qisf*” kerana barang siapa yang menegakkan keadilan maka sesungguhnya ia telah menegakkan perintah Allah (s.w.t.).

Menurut hemat penulis setakat ini, dari sekian banyaknya kajian yang penulis jumpai tidak satupun kajian yang betul-betul spesifik mengkaji tentang syarat kesihatan fizikal bagi ketua negara. Oleh yang demikian sebagai cabaran penulis akan mencoba sedaya upaya membentangkan dan mengkaji syarat tersebut. Salah satu kajian yang telah banyak memberikan inspirasi penulis ialah satu buku hasil kajian yang telah ditulis oleh Dr. H. Mujar Ibnu Syarif, M.Ag yang bertajuk: *Presiden non-Muslim di Negara Muslim: Tinjauan dari Perspektif Politik Islam dan Relevansinya dalam Konteks Indonesia*. Tajuk buku tersebut diangkat daripada asal tajuk tesis Ph.D. beliau yang kini sudah beberapa tahun telah berada dipasaran, di dalam isi bahagian tajuk buku tersebut beliau telah membincangkan syarat-syarat kepala negara dari pelbagai versi dengan begitu luas dan mendalam berdasarkan pandangan ulama dan cendikiawan Muslim, dimulai dari kajian beliau berdasarkan al-Qur’an dan al-Hadith, kemudian beliau menelaahnya dari pelbagai disiplin ilmu yang berbeza, lalu

memperbandingkannya dengan pandangan pakar-pakar tata negara Islam, sehingga sampai pada satu kesimpulan pembahagian periode yang membahagikan masa satu-satu pandangan setiap ‘ulama mahupun cendikiawan Muslim dimana pandangan terhadap syarat bagi pemimpin tersebut diwartakan⁴⁴.

1.9. SISTEMATIKA KAJIAN

Penulisan kajian tesis ini, secara amnya terdiri daripada enam bab, pada bahagian pertama penulis menyajikan bab pendahuluan yang menghuraikan di dalamnya tentang pengenalan, latar belakang kajian, matlamat, objektif, limitasi, metodologi, sorotan kajian kesusteraan dan kerangka kajian. Penerokaan berikutnya penulis terus masuk kepada landasan teori kepemimpinan Islam sebagai tajuk utama di dalam bab kedua, yang akan diawali terlebih dahulu dengan pengenalan sebagai pembuka perbahasan, kemudian diikuti dengan definisi kepemimpinan Islam dari perspektif bahasa dan istilah untuk lebih mamahami maksud dalam perbahasan seterusnya, kemudian dikemukakan tentang kriteria dan syarat perlantikan ketua negara dalam perspektif Islam, seterusnya dihuraikan juga tentang kedudukan ketua negara dari aspek sejarah Islam. Perbahasan kedua-dua bab tersebut merupakan awal pembuka kajian, yang akan menghantarkan penulis kepada satu anáalisis kajian seterusnya.

Langkah berikutnya merupakan penerokaan yang penting, yang penulis jadikan pembahasannya dalam bab ketiga, dan di dalam bahagian bab ini penulis mencuba menyajikan perbahasannya tentang syarat kesihatan fizikal bagi ketua

⁴⁴ Mujar Ibnu Syarif (2006), *Presiden non-Muslim di negara Muslim: tinjauan dari perspektif politik Islam dan relevansinya dalam konteks Indonesia*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, h. 35

negara, diawali dengan pengenalan sebagai pembukaan, dan penerokaan seterusnya penulis akan menerokai syarat kesihatan menurut al-Qur'an dan syarat kesihatan menurut al-Hadith al-Nabawi serta dilengkapi dengan pembahasan syarat kesihatan menurut pandangan Ulama *salaf* dan *khalaf*. Adapun perbahasan bahagian bab keempat, penulis akan mengkaji tentang wacana syarat kesihatan fizikal dalam perspektif politik Indonesia, diawali dengan pengenalan, seterusnya masuk kepada perbahasan tentang sejarah munculnya wacana syarat kesihatan fizikal di Indonesia serta kontroversi yang berlaku di Indonesia mengenai syarat kesihatan fizikal, yang sudah pasti ianya akan membawa kepada beberapa pandangan yang berbeza, oleh yang demikian penulis mencuba untuk melengkapkannya dengan pandangan golongan atau kelompok yang menolak diberlakukannya syarat kesihatan tersebut, dan juga kelompok orang-orang yang menerima dan menyokong diberlakukannya persyaratan tersebut, dan akan dilengkapi juga dengan golongan orang-orang yang menerima syarat tersebut, tetapi penerimaannya bergantung kepada beberapa persyaratan yang mereka kemukakan sebagai pertimbangan mereka. Kemudian penulis akan menutup perbahasannya dengan mengemukakan beberapa analisis kajian untuk mencari beberapa temuan baharu.

Adapun perbahasan kajian di dalam bab yang kelima, penulis akan mencuba mengemukakan teori ijtihad politik yang berkaitan dengan syarat kesihatan fizikal bagi ketua negara menurut Islam, kajian ini dimulai dengan pengenalan, kemudian masuk kepada argumentasi perlunya ijtihad politik baharu tentang syarat kesihatan fizikal, sehingga akhirnya timbul kelompok yang bersetuju tentang perlunya dirumuskan ijtihad politik baharu tentang syarat kesihatan fizikal, dan mengenalpasti beberapa faktor penghambat dan pendukung penyusunan ijtihad politik baharu tentang syarat

kesihatan fizikal, kemudian penulis akhiri dengan analisis kajian. Sistematika penulisan tesis ini akan membawa kepada beberapa temuan yang akan penulis letakkan pada bahagian penutup kajian ini, dan disusun pada bahagian bab yang keenam dengan beberapa isi poin perbincangan yang meliputi tentang hasil kajian, kesimpulan dan beberapa cadangan dan saranan untuk kajian berikutnya.